



EDISI JUL-DIS  
2024

02/24

○○○○

BULETIN

# SEKITARAN MDBG



## MAJLIS PELANCARAN DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM 2.0 (DDMS 2.0)

YBrs. Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara hadir merasmikan Sistem Digital Document Management System 2.0 (DDMS 2.0) di Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) pada 17 Julai 2024.

Turut bersama dalam majlis perasmian tersebut ialah YBrs. Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua MDBG, YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dan YBrs. Encik Zaidin bin Mohd Noor, Timbalan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.



### Pendigitalan Pengurusan Rekod

Sehingga kini jumlah agensi yang menggunakan DDMS 2.0 ialah 367 agensi. MDBG menjadi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pertama di negeri Perak yang melaksanakan DDMS 2.0.

Semoga dengan terlaksananya DDMS 2.0 di MDBG ini akan mempercepatkan dan melonjakkan pendigitalan rekod di kluster PBT. Pelaksanaan DDMS 2.0 ini juga menjadikan MDBG penanda aras dalam pendigitalan pengurusan rekod dalam PBT.

Tahniah Majlis Daerah Batu Gajah atas kejayaan mentransformasikan pengurusan rekod tradisional kepada digital.



Sijil Penghargaan oleh Arkib Negara Malaysia sempena Sambutan Minggu Arkib Antarabangsa 2024 pada 13 Jun 2024



Sijil Penghargaan oleh Jabatan Digital Negara sempena Majlis Pelancaran DDMS 2.0 MDBG pada 17 Julai 2024



www.mdbg.gov.my



05-363 2020

## PROGRAM KOMUNITI PERAK SEJAHTERA : BATU GAJAH MEMBANGUN BERSAMA KOMUNITI

Batu Gajah - 17 Ogos 2024, Majlis Daerah Batu Gajah dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan komuniti setempat telah berjaya melaksanakan program Komuniti Perak Sejahtera - Batu Gajah Membangun Bersama Komuniti.



### Aspirasi kerajaan Negeri Perak bagi pelaksanaan Perak Sejahtera 2030

*Outcome* utama program adalah promosi berkaitan aspirasi kerajaan Negeri Perak bagi pelaksanaan Perak Sejahtera 2030. Program ini telah disempurnakan oleh YB Puan Sandra Ng Shy Ching, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Negeri Perak.

Turut bersama En. Mohamad Razif Bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, YB Encik Steven Tiw Tee Siang, ADUN Tronoh dan agensi dalam daerah.

Sambutan baik dari seluruh komuniti dalam kawasan pentadbiran pastinya akan memberi impak baik dalam sasaran melengkapkan objektif program.



## PROGRAM MEMANCIING PERAK SEJAHTERA 2030

05 Oktober 2025 - Pejabat Menteri Besar Perak dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah telah menganjurkan acara tahunan Program Memancing Perak Sejahtera 2030 bertempat di The Treasure @ Taman Herba Gopeng.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan bukan sahaja dari sekitar Negeri Perak malah dari serata negeri di seluruh Malaysia.

Program dirasmikan oleh YB Sandra Ng, Adun Teja, Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penyampaian hadiah kepada pemenang dan cabutan bertuah pula disempurnakan oleh Tuan Mohamad Razif bin Ramli, Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah, En. Andri bin Arif, Setiausaha Majlis Daerah Batu Gajah, Ahli-Ahli Majlis yang lain serta Pn. Eidia Erriany Binti Abdul Rahim, Pengarah Urusan The Treasure @ Taman Herba Gopeng.

Tahniah kepada semua pemenang!





## PENERIMAAN KEMPEN KITAR SEMULA KINI DIPERLUAS KE AGENSI SWASTA

Simpang Pulai - 20 Ogos 2024, Majlis Daerah Batu Gajah merakam ucapan penghargaan kepada syarikat Unisem (M) Berhad di atas kejayaan membudayakan amalan kitar semula kepada warga kerja.

Dalam majlis yang sama, turut berlangsung taklimat disampaikan oleh TPR Andri Arif, Setiusaha Majlis Daerah Batu Gajah berkaitan pembudayaan amalan kitar semula.

Amalan kitar semula wajar dipupuk dari segenap lapisan komuniti agar kelangsungan jangka masa panjang diperoleh. Semoga amalan baik ini dapat diteruskan.



## KEMPEN KITAR SEMULA MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BERSAMA SYARIKAT UNISEM (M) BERHAD

Simpang Pulai - 30 Ogos 2024 (Jumaat), Pembudayaan amalan kitar semula kini diperluas pada agensi swasta. Tahniah diucapkan kepada syarikat Unisem (M) Berhad atas inisiatif melaksana kempen kitar semula di kalangan anggota kerja. Usaha ini pasti tidak akan berhasil tanpa komitmen dan kesedaran yang baik dari pengurusan tertinggi syarikat serta anggota kerja.

Dalam program yang dianjurkan, sebanyak 13kg besi, 57kg plastik dan 118kg kertas berjaya dikumpulkan. Program ini akan menjadi rutin setiap bulan di syarikat bagi memupuk amalan kitar semula yang berterusan.

Semoga usaha ini dapat diteruskan dengan meluas di kalangan komuniti dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah.



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM RAKAN ALAM SEKITAR X ECO GREEN MARKET MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah - 15 November 2024, Libat urus yang berterusan antara Majlis Daerah Batu Gajah dan komuniti (penduduk, pengilang) dilaksana secara konsisten dalam kepelbagaian platform. Pada hari ini telah berlangsung program yang membawa mesej dan pendidikan yang berterusan terhadap kepentingan menjaga alam sekitar menerusi aktiviti kitar semula. Majlis telah dirasmikan oleh YB Tuan Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar Dan Teknologi Hijau Negeri Perak.

Dalam program yang sama turut berlangsung Majlis Menandatangani Persefahaman Antara Majlis Daerah Batu Gajah dan Syarikat Konsesi Kitar Semula. Persefahaman merujuk kepada usahasama yang akan berlangsung dalam memberi didikan dalam menjaga alam sekitar di peringkat komuniti.

Tahniah kepada komuniti yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjayakan program, semoga program ini dapat ditambah baik dengan jayanya pada masa akan datang.



## KEMPEN PREMIS MAKANAN BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2024

Majlis Daerah Batu Gajah telah menyertai Kempen Premis Makanan Bersih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tahun 2024 anjuran Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT.

Medan Selera Pasar Awam Tronoh telah terpilih untuk kempen tersebut pada tahun ini. Kempen dijalankan bermula seawal bulan Jun 2024 dan masih berlangsung.

Dalam perkembangan sama, kempen tersebut akan berlangsung sepanjang tahun ini dan akan berterusan di tahun-tahun seterusnya agar dapat mendidik dan memberi peluang kepada premis-premis makanan di daerah Batu Gajah untuk terus berusaha mencapai tahap kebersihan Gred A dan mempunyai SOP yang telah dititikberatkan dalam mengendalikan sesebuah premis makanan.

Bersempena Tahun Melawat Perak 2024, kempen ini secara tidak langsung dapat mempromosikan premis-premis makanan yang bersih kepada para pelancong yang berkunjung di negeri Perak ini dengan penyediaan makanan serta tempat yang bersih dan selesa.

Diharap kempen ini dapat meningkatkan lagi tahap kebersihan dan gred premis makanan disamping melindungi kesihatan orang awam dari penyakit bawaan makanan dan air. Ia juga dapat membantu dalam peningkatan ekonomi setempat dan mempromosikan lagi industri makanan dan pelancongan di daerah Batu Gajah.

**KPKT**

**MABAS DAERAH BATU GAJAH**

# Kempen

## PREMIS MAKANAN BERSIH PBT 2024

**Medan Selera Pasar Awam Tronoh**

**Amalan Premis Bersih**

1. Sentiasa memastikan premis makanan berada dalam keadaan bersih
2. Sentiasa memastikan premis bebas daripada makhluk perosak LILATI (Lipas, Lalat, Tikus)

**Amalan Pengendali Makanan**

1. Sentiasa menjaga kebersihan dan kesihatan diri
2. Memakai penutup kepala, apron dan kasut bertutup

**Pengurusan Sisa dan Kitar Semula - "Makanan adalah anugerah, jangan bazirkannya"**

**SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS**

- 06 CLEAN WATER AND SANITATION
- 10 REDUCED INEQUALITIES
- 11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES
- 12 RESPONSIBLE CONSUMPTION AND PRODUCTION
- 13 CLIMATE ACTION
- 15 LIFE ON LAND

**batu gajah**  
Berat. Layan. Lelah.

**#BEBASBEGPLASTIK #BAWABEKASENDIRI #ECOGREEN2024 #MDBG2024**





## LAWATAN PENANDAARASAN PELAKSANAAN *DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM 2.0 (DDMS 2.0)* KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

4 September 2024 – Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah menerima kunjungan daripada Majlis Perbandaran Manjung (MPM) bagi sesi lawatan penandaarasan.

Lawatan ini diketuai oleh Tuan Muhammad Faizal Shah Safian Suri, Yang Dipertua dan turut dihadiri oleh Encik Mohd Helmi Arifin, Setiausaha Perbandaran, barisan Pengarah Kanan, Pengarah dan pegawai-pegawai MPM.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan pelaksanaan *Digital Document Management System (DDMS) 2.0*. Sistem ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan proses penyimpanan fail jabatan secara dalam talian, kecekapan pengurusan dokumen dan menyokong inisiatif digitalisasi dalam perkhidmatan awam.

Diharapkan sesi lawatan ini dapat menambah pengetahuan dan memberi inspirasi kepada MPM dalam melaksanakan sistem pengurusan dokumen digital yang lebih efisien. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Dipertua, Setiausaha, Ketua-ketua Jabatan serta warga kerja MDBG yang sudi menerima lawatan ini dan berkongsi maklumat berkenaan pelaksanaan DDMS 2.0





## LAWATAN PENANDAARASAN PELAKSANAAN 'PAPERLESS' BIL CUKAI TAKSIRAN DAN SEWA KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah 15 Ogos 2024, Pentadbiran ini telah menerima lawatan penandaarasan dari rakan agensi bagi bersama-sama berkongsi ilmu berkaitan pelaksanaan 'paperless' bil cukai taksiran dan sewaan dan pembayaran secara atas talian.

Perkongsian telah disampaikan oleh Puan Norma daripada Unit Teknologi Maklumat, Puan Azlin Nora daripada Bahagian Pelesenan, dan Encik Mohamad Shah Ridla daripada Unit Korporat dan Perhubungan Awam.

Dalam kesempatan yang sama berkunjung ke Bilik Regitri Majlis Daerah Batu Gajah bagi melihat pelaksanaan *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0).

## LAWATAN PENANDAARASAN PEJABAT DAERAH & TANAH SELAMA, MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERAK KE MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah 21 Oktober 2024, Pentadbiran ini telah menerima lawatan penandaarasan dari rakan agensi bagi bersama-sama berkongsi amalan terbaik dalam pelaksanaan *Digital Document Management System 2.0* (DDMS 2.0).

Output jangka masa panjang yang diharapkan adalah tahap perkhidmatan Kerajaan dapat ditingkatkan dan amalan digitalisasi boleh dimanfaatkan sebaiknya untuk kebaikan bersama





## LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE TAPAK SEMAIAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

Batu Gajah - 24 Oktober 2024, Melentur buluh biarlah dari rebungunya. Telah berlangsung lawatan dari Tadika Ilmu Siddiq, Little Caliph Batu Gajah ke tapak semaian Majlis Daerah Batu Gajah.

Objektif lawatan adalah untuk memberikan pengalaman dan pendedahan awal kepada kanak-kanak mengenai penanaman dan penjagaan pokok bunga.

Antara aktiviti yang dijalankan :

1. Penanaman pokok bunga
2. Cara penjagaan pokok bunga
3. Kenali nama bunga

Semoga program yang dijalankan dapat memberikan pengalaman dan ilmu baru kepada anak-anak ini



## PROGRAM PENANAMAN POKOK TEDUHAN DI SEPANJANG PERSISIR SUNGAI KINTA (PERAK BEST)

24 November 2024 - Majlis Daerah Batu Gajah telah melaksanakan Program Penanaman Pokok Teduhan Di Sepanjang Persisir Sungai Kinta (Perak Best) dalam usaha memulihara serta meningkatkan pembudayaan memelihara alam sekitar di kalangan masyarakat.

Jumlah penyertaan daripada agensi kerajaan, swasta, NGO, institusi pendidikan dan komuniti yang sangat memberansangkan menunjukkan betapa komitednya warga Batu Gajah dalam usaha bersama melestarikan alam sekitar.

Melalui program ini, Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals, SDG*) seperti mengurangkan kesan rumah hijau, pemuliharaan alam sekitar serta meningkatkan kesedaran mengenai kelestarian alam dapat dicapai.



## MAJLIS PERASMIAN PROGRAM *MY BODY FIT AND FABULOUS* (MYBFF)

Batu Gajah – 15 November 2024, Modal insan yang efektif memerlukan kesihatan tubuh badan untuk sentiasa memberikan komitmen yang terbaik kepada komuniti setempat.

Dalam majlis yang berlangsung, program telah dirasmikan oleh YB Tuan Teh Kok Lim, Pengerusi Jawatankuasa Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau Negeri Perak.

Program ini menyasarkan penjawat awam dapat mengadaptasi keperluan semasa dengan disiplin, kesihatan fizikal dan pembudayaan amalan hidup sihat.





## SLOT 1: MYBFF WORKOUT SESI PERKONGSIAN BERSAMA PUAN JAYA

29 November 2024 - Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengadakan Slot 1 MyBFF Workout : "Dari Biasa ke Luar Biasa" bersama Puan Jaya Latchumi a/p Pakrisamy daripada Jabatan Khidmat Pengurusan.

Sesi perkongsian ini bertujuan untuk memberi inspirasi dan panduan kepada para peserta MyBFF menurunkan berat badan secara konsisten dan ideal.

## SESI TAKLIMAT SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) PENJAWAT AWAM MAJLIS DAERAH BATU GAJAH

25 Oktober 2024 - Sesi Taklimat Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) penjawat awam Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) telah dilaksanakan pada hari ini.

Taklimat ini adalah bagi memberikan pencerahan mengenai pelaksanaan SSPA kepada semua penjawat awam khususnya warga kerja MDBG sebelum opsyen SSPA dibuat.



Dalam majlis yang sama, Tuan Yang Dipertua telah menyampaikan sumbangan kepada warga kerja MDBG yang bakal menyambut Hari Deepavali pada 31 Oktober ini.

# MAJLIS PERSARAAN SETIAUSAHA

“Jasamu dikenang,  
baktimu abadi.”





29 November 2024 - Majlis Persaraan Setiausaha & Jamuan Akhir Tahun Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) Tahun 2024 sempena persaraan Setiausaha MDBG, TPr. Andri Arif telah diadakan di Dewan Bandaran Kinta, Batu Gajah.

Yang Dipertua MDBG, YBrs. Tuan Mohamad Razif bin Ramli mewakili seluruh warga kerja MDBG mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Setiausaha yang telah berkhidmat selama 37 tahun di MDBG.



Sepanjang berkhidmat di MDBG, beliau telah berjaya menggalas amanah dan tanggungjawab dengan baik. Sesungguhnya segala komitmen, usaha dan sumbangan yang beliau tunjukkan wajar dijadikan contoh kepada warga kerja MDBG dan pegawai-pegawai muda khususnya.

Majlis dimeriahkan dengan tayangan video khas Setiausaha MDBG dan penyampaian cenderahati. Turut hadir bersama Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan warga MDBG.





# PROGRAM BATU GAJAH MOUNTAIN BIKE CHALLENGE 2024

Tarikh : 29 Disember 2024 (Ahad)

Tempat : Silverlake Village Outlet, Batu Gajah  
(North Village)



EDISI JUL-DIS  
2024

02/24

○○○○

BULETIN

# SEKITARAN MDBG



## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

Mohamad Razif bin Ramli., PMP., AMP.,  
Yang Dipertua

### Ketua Editor

TPr. Encik Andri Arif  
Setiasaha

### Penolong Ketua Editor

Makhlis bin Othman

### Sidang Editor / Media Sosial

Mohamad Shah Ridla bin Mohd Ismet  
Mohd Omar bin Shoib  
Hawa Syazwani binti Abdul Aziz

### Reka Bentuk / Grafik

Fatin Hazwani Binti Tarmidzi

### Fotografi

Nazrul Aswad bin Nazri  
Muhamad Fitri bin Abdul Rahman  
Muhammad Amar Syahmi bin Azhar



Diterbitkan oleh:

Majlis Daerah Batu Gajah Jalan Haji Abdul Wahab,  
31000 Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan.

Telefon : 05-363 2020

Faks : 05-366 5930

E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Facebook : www.facebook.com/mdbatugajah